

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.02/10.12/2 Jld. 3 (54)

3 April 2024
23 Ramadan 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2024

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2024

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 ke bawah melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 1 April 2024 mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 (Rujukan JPA.800-3/2/4 (43).

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 7/2024 bertarikh 3 April 2024 bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 56 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan *Contract for Service* sebanyak RM500.00. Pemberian BKKA ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang telah dilantik dan masih berkhidmat pada 5 April 2024 tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing.

3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* atau *Contract for Service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM500.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh Universiti.

4. Sehubungan dengan itu, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 ini akan dibayar pada 5 April 2024.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

NAI/GA/seah